

kampus

kampus



TUANKU MUHRIZ
TUANKU MUNAWIR
(tengah) dan Tuanku Aishah Rohani serta Tuanku Ali berangkat tiba di Dewan Tuanku Canselor USIM bagi menyaksikan konsert Alhan Rabbaniyah.

Berhibur sambil beramal

Teater muzikal amal Alhan Rabbaniyah USIM yang berjaya membawa dimensi baharu hiburan alternatif yang dibenarkan Islam



RAMLI SARIP (dua dari kiri) dan **Sharifah Khasif** (tiga dari tiga) bertanyakan khabar kepada salah seorang penghuni Rumah Persatuan Kebajikan Al-Fikrah di Kajang Selangor sempena Konsert Alhan Rabbaniyah baru-baru ini.



PENYANYI irama ketuhanan dari Indonesia, **Opick** memikat hati peminatnya dengan lagu-lagu berunsur ketuhanan dan nasihat.



RAMLI SARIP melawat salah seorang warga emas Rumah Persatuan Kebajikan Al-Fikrah di Kajang Selangor.

Ibuku tidak meng
Pagi terbangkok-
lenggaru belisnya
Hafinya s
Suaminya ya
telah dikeru

KONSERT Alhan Rabbaniyah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi antara persembahan pentas berkonsepkan teater muzikal yang berjaya membawa dimensi baharu berunsurkan ketuhanan dan ketakwaan dalam menghayati hiburan alternatif yang dibenarkan Islam.

Pengisiannya yang mengangkat empat tema utama iaitu ibu bapa, ilmu, Rasulullah dan tuhan. Setiap segmen mempunyai jalan cerita tentang kehidupan yang bermula daripada kelahiran manusia sehingga berakhir dengan kepulangan kepada Penciptanya.

Persembahan dengan dendangan lagu kerohanian melalui alunan syair,

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com



gurindam, puisi pujangga, nazam, muzik dan bait-bait lirik dakwah yang disampaikan artis ternama antarabangsa **Sharifah Khasif** dari Malaysia, **Datuk Ramli Sarip** (Singapura), dan penyanyi irama ketuhanan dari Indonesia, **Opick** sememangnya berjaya menarik halwa telinga kira-kira 2,000 penonton yang memenuhi Dewan Tuanku Canselor USIM.

Berlatarkan cahaya dan skrin lampu diod pemancar cahaya (LED) yang begitu futuristik menjadikan kisah penceritaan

pentas daripada satu segmen ke segmen yang lain yang diringi Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) dari Istana Budaya berjaya memukau setiap mata penonton yang hadir menyaksikan persembahan tersebut.

Malah para penonton seolah-olah merasa suasana penuh kehabnaan dalam penceritaan seperti kasih sayang kepada kedua ibu bapa sejak dilahirkan sehingga dewasa, sayangnya pada Rasulullah dan Allah SWT dengan persembahan pentas yang unik bersifat islamik kontemporari.

Bersesuaian dengan temanya, Mengangkat seni Budaya Islam Alhan Rabbaniyah diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-15 penubuhan universiti

awam itu yang berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli ke arah melahirkan modal insaniah ke arah memperkasa agenda akademik dan dakwah melalui aktiviti kesenian muzik Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Konsert Alhan Rabbaniyah yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. **Hassan Basri Awang Mat Dahan** berkata, konsert amal tersebut telah berjaya mencapai matlamat yang disasarkan sebelum ini.

"Objektif konsert ini diadakan adalah bagi mengumpul dana membantu warga emas iaitu ibu tunggal dan bapa tunggal. "Alhamdulillah semua pihak telah memberi kerjasama yang cukup padu.

Sumbangan hasil pendapatan konsert amal ini akan disumbangkan kepada rumah Persatuan Kebajikan Al-Fikrah,"katanya.

Konsert Alhan Rabbaniyah merupakan program anjuran bersama USIM dan Istana Budaya dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Buku Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta Utusan Malaysia sebagai media rasmi.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir turut mencemar duli menyaksikan konsert tersebut.

Turut mencemar duli, Tuanku Ampuan Besar, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang merupakan Canselor USIM.

Berangkat sama, Pro-Canselor USIM, Tuanku Ali Tuanku Muhriz dan turut hadir sama, Naib Canselor USIM, Datuk Prof. Dr. Musa Ahmad

Pada konsert berkenaan, Utusan Malaysia menerima penghargaan atas kerjasama sebagai rakan strategik sempena pesta konvokesyen USIM baru-baru ini.

Utusan Malaysia diwakili Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pengurusan Jenama Kumpulan Utusan, Ahmad Razif Mohamed menerima sijil penghargaan daripada Tuanku Muhriz.

Yang turut hadir Ketua Biro Utusan Malaysia Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail.



PENECERAMAH terkenal, **Sharifah Khasif** turut memperdengarkan bait-bait nazam dalam persembahannya.



DENDANGAN alunan syair dan bait-bait lirik dakwah turut diperdengarkan kepada penonton.

BARISAN artil terkenal tanah air dan antarabangsa serta urus setia kesenian pelajar USIM yang menjayakan konsert Alhan Rabbaniyah.



DENGAN KERJASAMA

MEDIA RASMI